

Dua anggota tentera didakwa sebabkan kematian Prebet Muhammad Muqriz

MIRI: Dua anggota tentera dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan menyebabkan kematian Prebet Muhammad Muqriz Aseri, 21, bulan lepas.

Muhammad Afiq Syarim, 23, dari Bedong, Kedah dan Mohamad Faies Khuzaimah, 21, dari Tumpat, Kelantan, didakwa di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Mengikut kesalahah ini, kedua-dua prebet tentera itu boleh dikenakan hukuman mati atau penjara tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak melebihi 40 tahun, dan sekiranya tidak dihukum mati, boleh disebat tidak kurang daripada 12 kali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, kedua-

dua tertuduh didakwa melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian Muhammad Muqriz.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama antara jam 2.15 pagi hingga 3.05 pagi, 24 Mac lalu di sebuah bilik di Blok Kediaman Bujang LLP, Kompeni Alpa, Batalion 20 Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Sri Miri di sini.

Setelah jurubahasa mahkamah membacakan kertas pertuduhan, kedua-dua tertuduh yang memakai pakaian sukan hanya mengangguk tanda faham.

Tiada pengakuan salah kedua-dua tertuduh direkodkan memandangkan kesalahan di bawah Seksyen 302 adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Di hadapan mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya Franklin Ganggan

Bennet memohon ditetapkan satu tarikh untuk sebutan lanjut kes sementara menunggu laporan bedah siasat si mati, laporan kimia dan arahan lanjut daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Mahkamah membenarkan permohonan itu dan menetapkan 30 Mei depan sebagai tarikh sebutan lanjut kes.

Sementara itu, kedua-dua tertuduh yang tidak boleh dibebaskan dengan jaminan diperintahkan supaya ditahan lanjut di bawah Seksyen 259 Kanun Prosedur Jenayah sementara menunggu tarikh tersebut.

Pendakwaan kes dilakukan di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh kedua diwakili peguam bela Ranbir Singh dan tertuduh pertama tidak diwakili.



DIDAKWA: Kedua-dua tertuduh dibawa menaiki kenderaan polis untuk didakwa di Mahkamah Majistret Miri, semalam.